

**NO. SOALAN: 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L  
KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**RUJUKAN : 7585**

**TARIKH : 30 MAC 2015**

**SOALAN:**

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan akhir yang menunggu perlaksanaan hukuman mati terhadap mereka setelah penghakiman muktamad dan yang tidak diberi pengampunan setakat 28 Februari 2015.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Statistik Jabatan Penjara pada 28 Februari 2015 menunjukkan seramai 354 orang banduan telah dimuktamadkan penghakiman dan dikekalkan hukuman mati oleh Mahkamah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, 280 orang banduan telah mengemukakan petisyen atau rayuan di bawah Peraturan 114, Peraturan-Peraturan Penjara 2000 kepada Lembaga Pengampunan Negeri dan bakinya belum berbuat demikian.**

**Banduan yang telah dikekalkan hukuman mati oleh Mahkamah Persekutuan tidak boleh dikategorikan sebagai menunggu pelaksanaan hukuman mati kerana pada tarikh tersebut, tiada rayuan atau petisyen dari mana-mana banduan hukuman mati yang telah ditolak oleh Lembaga Pengampunan Negeri. Oleh itu, perintah untuk melaksanakan hukuman mati terhadap mana-mana banduan juga belum diterima oleh Jabatan Penjara.**

**Banduan hukuman mati akan dimaklumkan hak mereka untuk membuat rayuan atau petisyen kepada Lembaga Pengampunan Negeri setelah selesai semua proses perbicaraan di Mahkamah. Sekiranya diperlukan, Jabatan Penjara akan membantu banduan berkenaan untuk membuat rayuan atau petisyen tersebut.**